

6 MAC 2018

## Impian terkubur

06-03-2018

setempat 15 A

### Impian terkubur

**Kajang:** Impian menjadi jutawan terkubur apabila lima individu termasuk seorang wanita kini berdepan hukuman gantung sampai mati selepas didapati menyimpan 130 kilogram (kg) dadah pelbagai jenis dianggarkan bernilai RM6.2 juta.

Semua mereka ditahan secara berasingan dalam tujuh siri serbuan yang dijalankan dalam tempoh lima jam bermula pada jam 7.30 malam Sabtu lalu sehingga 12.30 tengah malam semalam di sekitar Johor, Kuala Lumpur dan Selangor.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh, berkata serbuan dilakukan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman dan Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING) Bukit Aman.

"Kami berjaya melumpuhkan satu sindiket sindiket didalangi empat lelaki dan seorang wanita warga tempatan berusia antara 28 hingga 48 tahun.

"Empat suspek ditahan di kawasan Ledang, Johor sementara seorang lagi suspek ditahan di ibu negara.

"Hasil pemeriksaan polis mendapati dua daripada mereka mempunyai rekod jenayah lampau.

"Dalam siri serbuan itu, polis merampas 43.7kg syabu, 53.95kg pil ekstasi, 31.40kg heroin, 3.75kg ketamin dan 2,000 pil disyaki eramin 5," katanya.